

# 70 diisytihar

# warisan <sup>BH-</sup> kebangsaan <sup>3/7/2007</sup>

**K**UALA LUMPUR: Jabatan Warisan Negara mengenal pasti kira-kira 70 warisan sejarah membabitkan bangunan, tapak, objek dan budaya untuk diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan sempena ulang tahun kemerdekaan negara ke-50.

Pesuruhjaya Warisan, Datuk Prof Zuraina Majid, berkata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim akan melakukan perisytiharan warisan kebangsaan itu di Parlimen, 6 Julai ini.

"Perisytiharan ini akan menaikkan status khazanah negara seterusnya memulihara bentuk, keaslian dan kepentingannya sebagai warisan Malaysia.

"Ini juga sebagai pengenalan kepada Sistem Daftar Warisan Kebangsaan yang boleh menjadi pangkalan data yang merekodkan setiap warisan kebangsaan yang diwartakan," katanya pada Taklimat Media Perisytiharan Warisan Kebangsaan dan Pelancaran Sistem Daftar Warisan, di sini, semalam.

Prof Zuraina berkata, antara yang disenarai sebagai warisan kebangsaan ialah objek, bangunan, landskap semula jadi dan warisan tidak ketara (kebudayaan) yang melambangkan pelbagai bentuk atau barangan yang membawa maksud warisan.

Sementara antara warisan yang disenarai pula ialah Stesen Keretapi Kuala Lumpur yang siap dibina pada tahun 1910 dan Stadium Merdeka yang menjadi lokasi perisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, katanya.

Selain itu, Prof Zuraina berkata, antara persembahan tradisional yang disenarai sebagai warisan budaya ialah Wayang Kulit, Mak Yong, Sewang, Ngajat, Sumazau dan Joget Melayu.

Bagaimanapun, Prof Zuraina berkata, Dr Rais akan menentukan sama ada sesuatu yang dianggap sebagai warisan sejarah boleh diiktiraf sebagai warisan negara kerana kuasa ada padanya.